

Krisis Tun-Pak Lah: PAS untungkah?

Buletin Rakyat - 28/11/2006

DI KELANTAN sekarang, cerita yang sering menyapa telinga ialah kemasukan ramai ahli UMNO ke dalam PAS. Di warung-warung kopi cerita itu sering diungkapkan. Ia bukan didendangkan oleh "tukang-tukangkarutDikirBarat" tapi oleh mereka yang berautoriti dalam parti dan boleh dipercayai.

PAS di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) mengadakan majlis khusus untuk meraikan orang baru itu. Biasanya dibuat secara kecilan, atau di saat berlangsung ceramah rutin. Kecuali yang agak besar sedikit seperti di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (PUTIK), Pengkalan Chepa, sebelum Ramadhan lalu. Dikumpul seramai lebih dua ribu ahli UMNO, dari merata tempat di seluruh Negeri Kelantan, untuk mendengar amanat Tok Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan menyerahkan borang keahlian kepada beliau.

Namun pengisytiharan penghijrahan beramai-ramai, yang sebahagiannya melibatkan orang-orang kuat UMNO di peringkat cawangan dan bahagian tidak dihebohkan kepada media. Hatta media milik parti oposisi itu sendiri pun tidak membesarkan berita tersebut. Justeru berita lompat parti itu hanya berputar ligat di tepi cawan kopi dan pingan nasi berlauk di warung-warung kopi di seluruh Negeri Serambi Makkah itu saja.

Saya bertanya kepada salah seorang Penyelia DUN PAS, kenapa tidak dihebohkan kepada umum. "Ada muslihat tertentu, sebab itu kita tutup untuk pengetahuan ramai. Biar ianya berlegar di kalangan kita saja" Ujar Penyelia yang masih muda itu. Umum dapat menangkap pesan-pesan yang diungkapkan oleh sang penyelia tadi, iaitu sebuah kekhawatiran, yang kelak boleh merosakkan matlamat besar yang direncanakan, andainya hal-hal seperti ini diketahui umum terutama oleh kepimpinan UMNO di peringkat pusat. Kerana di tangan mereka ada kekuasaan tertentu.

Senario ini berlaku mendadak selepas Bekas Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, Datuk Ahmad Rusli Ibrahim bersama trionya menyertai PAS awal tahun 2006 lalu. Dan seperti diungkapkan oleh Ahmad Rusli pada ceramah *road show* beliau di seluruh Kelantan sebaik saja bertukar baju baru. "Ramai lagi kawan-kawan akan mengikuti jejak saya menyertai PAS, dari semasa ke semasa" Kata-kata itu diulangi lagi di majlis ceramah yang diadakan di Kedai Ketereh, dalam Parlimen Kok Lanas, Kota Bharu.



Umum mengetahui bahawa beliau daripada bekas Parti Semangat 46 yang dibubarkan, kerana beliau dari terowong yang sama. Teman-teman dari kawasan parlimen Kubang Kerian juga tentu ada, kerana beliau sebelum ini merupakan orang kuat UMNO kawasan tersebut.

Beliau juga dikatakan amat disenangi oleh rakyat terutama di peringkat akar umbi. Semasa menjadi ADUN Salor atas tiket parti Melayu Semangat 46 (1990), beliau mempraktikkan sikap *low profile* dan merakyat. Senjata itu dikira paling ampuh untuk memenangi hati pengundi terutama di Kelantan sejak dulu, malah kini dan mungkin selama-lamanya. Praktik beliau itu, kekal hingga hari ini, justeru tidak mustahil, bila teman-teman atau saudara mara beliau tertarik dengan sikap yang ditunjukkan lalu tidak keberatan bila diajak berpindah ke rumah baru.

Angin ribut yang melanda wilayah UMNO sejak akhir-akhir ini juga banyak mempengaruhi sudut opini dan pemikiran seseorang. Perbalahan yang semacam tiada noktah antara Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadikan ahli dan para penyokong UMNO terutama di kampung-kampung serba salah dan rendah diri. Serangan Tun terhadap kepimpinan Pak Lah semakin agresif. Ibarat motokar, dulu melalui jalan kampung-perlahan saja, sekarang sudah memasuki lebuhraya-lajunya pun "boleh tahan." Situasi dan kondisi politik jadi berubah. Parti seolah hilang wibawa. Hilang kehormatan dan harga diri. Persepsi umum kepada UMNO berbau negatif belaka, sedangkan hakikatnya tidaklah seteruk itu.

Bila kecelaruan sudah menguasai seseorang, dengan

sendirinya berlaku perubahan pada minda. Lidah jadi kelu untuk berkata-kata. Memilih jalan berdiam diri daripada berbicara hal-hal politik menjadi *trend* baru. Tapi di dalam hati terdapat segumpal rasa ketidakpuasan dan ketidakselesaan, yang jika lebih lama diperam, ia akan menjadi busuk, ulat-ulat akan merosakkan organ-organ yang lain.

Jika berbicara pun, terasa semacam tidak kena, kerana rahsia dalaman parti sudah dijaja oleh Tun dan diketahui umum. Tidak berguna mempertahankan sesuatu yang sudah diyakini publik. "Sekarang musuh-musuh politik UMNO, mentertawakan saja perbalahan ini" Kata salah seorang pendokong UMNO Kelantan dengan kesal.

Pak Lah mempertahankan ahli keluarganya, bila Mahathir menuduh beliau menyalahgunakan kuasanya sebagai Perdana Menteri dengan membuat tindakan yang menguntungkan anak-anaknya. "Ahli keluarga saya mempunyai hak

sama seperti orang lain, bebas untuk memiliki harta" Kata Pak Lah ketika menjawab tuduhan Mahathir.

Kasus yang sama juga pernah terjadi kepada Dr Mahathir semasa beliau menjadi Perdana Menteri dulu. Ramai mempersoalkan keterlibatan yang keterlaluan anak-anak beliau dalam pelbagai bidang perniagaan. "Apakah kalau jadi anak Perdana Menteri, harus hidup susah. Tak boleh berniaga?" Begitu jawapan yang diberi Dr Mahathir terhadap pertanyaan tersebut. Jawapan dari Tun dan Pak Lah itu memiliki nilai persamaan yang nyata. Jadi apa masalahnya sekarang?

Kawan saya, seorang bekas kakitangan kerajaan kumpulan B, baru tiga bulan pencen. Sebelum ini terkenal sebagai salah seorang penyokong kuat UMNO. Dalam satu pertemuan, sambil menghirup kopi panas di Jalan Masjid India, beliau menyebut bahawa, "Sekarang saya sedang mencari sebuah parti politik yang betul-betul berjuang memartabatkan bangsa Melayu dan meletakkan Islam pada tempat yang selayaknya. Parti itulah yang bakal saya sertai kelak"

"Setahu ku, anda seorang penyokong setia UMNO sejak dulu?" Saya bertanya, setelah terkejut dengan ungkapannya itu. "UMNO sudah berpecah belah dan berpuak-puak. Masing-masing mengejar material," ujar beliau. Banyak kelompok-kelompok dalam UMNO yang diwujudkan oleh orang-orang tertentu untuk agenda tertentu, sehingga orang-orang yang jujur dan ikhlas dalam perjuangan sering tidak mendapat tempat yang selayaknya.

"Hanya PAS, sebuah parti yang bersih dari sistem puak dan tidak memburu material" Kata beliau. "Dari mana anda tahu?" Saya bertanya. "Bila sertai PAS nanti, tahulah anda berapa puak wujud dalam PAS" Saya mengakhiri perbualan. Kawan saya terlopong dan berkerut dahi.